



Islam Membawa Kesucian

(Oleh Al-Ustaz Muhammad Ali Al-Hamidi)

Di dalam kitab suci al-Qur'an, Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*

telah menerangkan, bahawa barangsiapa yang hendak dipimpin kepada jalan yang lurus dan benar, maka dibukalah hatinya untuk menerima agama Islam. Ia akan mendapat pertolongan dari Allah untuk segala pekerjaan dan usahanya selalu baik dan kebaikan, jauh daripada maka usahanya selalu baik dan kebaikan, jauh daripada rosak dan membawa kerosakan. Jujur dalam pergaulan sesama sendiri, jauh dari curang dan dusta.

Sebaliknya orang yang menolak Islam itu menjadi agamanya, adalah orang yang sesat perjalanannya, dadanya sempit dan nafasnya sesak sebagai orang yang hendak

pergi ke langit lakunya, sehingga tidak ada tempat untuk duduknya iman dan Islam dalam dadanya dan nafasnya yang sempit itu.

Yang demikian ini diterangkan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dalam firmanNya:

fa man yurīdu Allāh 'an yahdīyahu yashrah ṣadrahu lil Islām wa man yurīd 'an yuḍillahu yaj'al ṣadrahu ḍayyiqan ḥarajan ka'annamā yaṣṣa "adu fī al-samā' kazālika yaj'al Allāh al-rijsa 'alā al-ladhīna lā yu'minūn. (125 – Al-'An'ām)

Ertinya: “Maka barangsiapa yang hendak dipimpin oleh Allah, nescaya ia bukannya dadanya untuk menerima agama Islam, dan barangsiapa yang hendak disesatkannya, nescaya ia jadikan dadanya sangat sempit, seakan-akan ia hendak naik ke langit. Demikianlah Kami jadikan *rijsun* (perkara yang kotor dan keji) itu atas orang-orang yang tidak mahu beriman.”

Kemudian perhatikan lagi sambungan ayat tadi:

Wa hādhā ṣirāṭu rabbika mustaqīmā qad faṣṣalnā al-'āyāt liqawmin yadhahkarūn. Lahum dār al-ssalām 'inda rabbihim wa huwa walīyyuhum bimā kānū ya'malūn. (126-127, Al-'An'ām)

Ertinya: “Dan inilah jalan Tuhanmu yang lurus. Sesungguhnya Kami telah terangkan ayat-ayat itu bagi orang yang mahu ingat. Bagi merekalah kampung keselamatan pada sisi Allah Tuhan mereka dan Allah lah menjadi penolong mereka, kerana amal yang mereka telah kerjakan.”

Teranglah kepada kita, bahawa agama Islam itu membawa kesucian dan sanggup mensucikan manusia dari segala kekotoran dan kebajikan, zahir dan batin, luar dan dalam.

Sejarah telah membuktikan kebenarannya, bahawa suatu bangsa yang dahulunya makan binatang-binatang yang kotor, minum

arak, membunuh anak perempuan hidup-hidup, menyembah berhala, bermusuhan sesama sendiri, dan lain-lain kerendahan lagi, dalam temoh¹ yang kurang dari seperempat kurun telah berubah menjadi bangsa yang bertauhid, bersatu, berkasih-kasihan sesama sendiri, disegani oleh musuh, hidup suci, mulia dan terhormat, tunduk kepada peraturan, taat dan setia kepada pimpinan, dan lain-lain sifat dan perbuatan yang utama.

Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda:

bu ‘ithu bi al-ḥanīfiyyah al-ssamḥah (likhaṭīb)

Ertinya: “Aku diutus dengan kesucian dan

kelapangan” (Maksudnya: Dengan agama Islam yang benar

lagi mudah – P)

Kalau Allah telah menerangkan, bahawa Islam itu ialah pertunjuk daripadanya untuk menyelamatkan manusia, dan dada yang kosong dari Islam adalah berisi *rijsun* (kekotoran atau sesuatu yang keji) yang tidak dapat diharap akan keluar kebaikan yang sebenar-benar kebaikan daripadanya, maka alangkah ruginya dan sesatnya orang-orang yang mengaku beragama Islam, tetapi mereka menolak pelajaran Islam dan hukum-hukumnya untuk perbaikan dirinya dan masyarakat.

Maka peliharalah iman dan Islam kita. Mudah-mudahan

Allah sucikan keadaan masyarakat kita.

Bacalah Riwayat Hidup

Khālid ibn Al-Walīd

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Tiap-tiap baris dalam riwayat hidup perwira

Islam Khālid ibn Al-Walīd ini menggambarkan keberanian dan kebijaksanaanya yang tidak ada taranya!

Cetakan yang kedua ini berhias dengan gambar-gambar

dari “Filem Khālid” yang pilihan.

Tebalnya kira-kira 150 muka dan harganya hanya

\$1.50 belanja mengirимnya 10 sen. Pesanlah

kepada penerbitannya:

Qalam, Singapura.

BUKU2 RUMI

| | |
|-----------------------------------|--------|
| *Pendidikan | \$1.20 |
| *Akhlaq | 1.20 |
| *Surat Menyurat | 1.50 |
| Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang | 2.00 |
| Penglipor | 1.50 |
| Panduan Pokedai2 Kechil | 0.70 |
| Balek Dari Medan Perjuangan | 1.00 |
| *Jalan ka-Kota Baharu | 1.50 |
| Keris Sempena Riau | 1.00 |
| Tinjauan Sastera Tanah Ayer | 1.50 |
| Sisa Neraka Dunia | 1.00 |

Buku A.B.C (buku bacaan) di-dalam-nya tiga warna.

***Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.**

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

¹ Sepatutnya ‘tempoh’